

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KPM MENJUNJUNG TITAH KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
RAJA PERMAISURI AGONG UNTUK MEWUJUDKAN
PERSEKITARAN SELAMAT DI INSTITUSI PENDIDIKAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) merafak sembah menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah berhubung keperluan untuk mewujudkan persekitaran selamat di semua institusi pendidikan bawah kelolaannya. Titah KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menjadi peringatan kepada seluruh warga KPM untuk menangani isu salah laku seksual yang memberi implikasi negatif kepada seluruh masyarakat dan negara.

KPM komited untuk melaksanakan kempen kesedaran yang menyeluruh di semua institusi pendidikan dan melihat kepada keberkesanan modul Tindak Demi Anak Kita (TinDak) serta berkerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi melaksanakan kajian pengaruh media sosial kepada murid seperti yang dititahkan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Keprihatinan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menzahirkan pelbagai pandangan berkenaan isu sosial dan langkah-langkah untuk menanganinya menjadi panduan kepada Kementerian untuk memperkukuhkan aspek keselamatan di institusi pendidikan.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
15 OKTOBER 2025**